



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

PERLUASAN PENJAGAAN KE PERKHIDMATAN PT&K DI HOSPITAL KKM

Perkhidmatan PT&K di Hospital KKM telah ditawarkan sejak 2007. Sehingga kini, terdapat 15 hospital KKM menawarkan perkhidmatan PT&K untuk indikasi-indikasi tertentu sahaja.



KRITERIA RUJUKAN

Pesakit yang diberi pilihan untuk menerima rawatan PT&K haruslah dirujuk oleh pengamal perubatan berdaftar (PPB) (awam/swasta).

Berumur 18 tahun dan ke atas.

Pesakit haruslah stabil.

Menepati kriteria dan indikasi yang ditetapkan berdasarkan garis panduan amalan yang berkenaan.


MEKANISME

Rujukan dibuat dengan mengisi [Borang Perluasan Penjagaan ke Perkhidmatan PT&K di Hospital KKM \(Lampiran A\)](#) oleh PPB.

Pesakit hendaklah diberitahu tentang prosedur, potensi keberkesanan dan kesan sampingan rawatan.

Pesakit akan dinilai oleh pengamal PT&K tentang keberkesanan / kesan sampingan dan memaklumkan kepada PPB yang merujuk.

Setelah tamat rawatan, pengamal PT&K haruslah mengisi [Laporan Penilaian Pesakit Unit PT&K Hospital KKM \(Lampiran B\)](#) untuk penilaian lanjut oleh PPB yang merujuk.



Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web tcm.moh.gov.my.